

**PENYERTAAN POLITIK MASYARAKAT DALAM PILIHANRAYA:  
KAJIAN KES PILIHANRAYA UMUM KE SEPULUH 1999 DI NEGERI  
JOHOR.**

**Muhammed Fauzi b. Othman**

m-fauzi@utm.my

Jabatan Bahasa Moden

**Muhammad Fuad b. Othman**

**Zaheruddin b. Othman**

**Jamaludin b. Mustafa**

Fakulti Perhubungan Antarabangsa

Universiti Utara Malaysia

***Abstrak***

Pemahaman masyarakat mengenai sistem politik khususnya di Malaysia memperlihatkan perubahan ke arah kemajuan. Kemajuan ini dijelaskan dalam pelbagai bentuk penyertaan yang akhirnya memberi kesan kepada pola dan tren pengundian. Kajian melihat bentuk-bentuk penyertaan masyarakat dalam politik pilihanraya khususnya di Johor pada tahun 1999. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah pengedaran borang soal selidik dan temubual. Hasil kajian mendapati terdapatnya beberapa faktor yang mendorong penyertaan masyarakat dalam politik pilihanraya.

## **PENGENALAN**

Pada hari ini masyarakat Malaysia sudah mula memahami apakah itu politik dan sistem politik tanahair. Justeru, peningkatan penyertaan masyarakat dalam politik khususnya politik pilihanraya telah memberikan kesan yang signifikan dalam perjalanan politik tanahair. Kertas ini secara asasnya membincangkan dua objektif. Pertama pemahaman konsep-konsep yang memandu perbincangan penyertaan masyarakat dalam politik pilihanraya. Kedua, membincangkan bentuk-bentuk penyertaan masyarakat dalam politik pilihanraya serta isu-isu dan strategi yang digunakan oleh pihak berkaitan semasa pilihanraya. Kertas ini adalah hasil suatu kajian yang dijalankan menjelang pilihanraya umum ke sepuluh pada tahun 1999.

## **PERBINCANGAN KONSEPTUAL**

### **Politik**

Kebanyakan penulis awal politik mengaitkan maksud politik kepada satu konsep yang berkaitan dengan keseluruhan proses sains yang membincangkan negara. Istilah politik diperolehi dari perkataan Greek iaitu “polis” atau “negara kota” dan “politela”. Pada hari ini lazimnya perkataan politik merujuk kepada; pertama, amalan politik yang bermaksud “satu seni mengawal sebuah parti dan melantik seseorang yang menang dalam pilihanraya ke jawatan pemerintah”; kedua, satu seni berkerajaan iaitu seni memimpin dasar-dasar kerajaan bagi mencapai sesuatu matlamat (Asirvatham, 1990).

Sir Frederick Pollock (Asirvatham, 1990) menggunakan istilah politik dalam konteks yang lebih luas. Pembahagian beliau adalah seperti berikut:

- a. Teori negara.
- b. Teori kerajaan.
- c. Teori Perundangan.
- d. Teori negara sebagai "*artificial person*".
- e. Bentuk sebenar kerajaan.
- f. Jentera pentadbiran kerajaan.
- g. Undang-undang dan proses perundangan.
- h. Tingkahlaku negara sebagai "*manusia politik*".

Sementara itu Soltau R. dalam bukunya *Introduction to Politics* menjelaskan "ilmu politik mempelajari negara, tujuan-tujuan negara dan lembaga yang akan melaksanakan tujuan-tujuan itu; hubungan antara negara dengan warganegaranya serta dengan negara-negara lain" (Budiarjo, 1986). Ramanathan (1994) mengutip pandangan Lasswell H. D. dan Kaplan A., di dalam bukunya *Power and Society* menyebut semua tingkahlaku di dalam politik melibatkan kuasa dan pengajian sains politik adalah pengajian yang empirikal tentang pembentukan dan pengagihan kuasa.

Definisi-definisi yang dibentangkan di atas dapat diasaskan kepada lima perkara penting iaitu negara, kekuasaan, pembuatan keputusan, kebijaksanaan dan pembahagian-pembahagian peruntukan (allocation). Justeru itu dapat difahami bahawa politik itu mempunyai maksud yang sangat luas dan tidak hanya terhad kepada satu sudut sahaja. Majoriti ahli masyarakat berpendapat politik merupakan satu seni bernegara dan ia sukar diertikan dengan tepat sebagaimana pendefinisan yang dilakukan terhadap sesuatu konsep tertentu.

## Ideologi

Istilah ideologi dikatakan bermula di Perancis walaupun asal usul kelahirannya masih menjadi perdebatan. Kebanyakan bukti-bukti menunjukkan bahawa ahli falsafah Perancis Antoine Louis Claude Destutt de Tracy (1754-1836) berkemungkinan telah memulakan istilah ini (Ball and Dagger, 1995). Ball dan Dagger (1995) memetik,

*"De Tracy coined the term "ideology" during the wild revolutionary decade in France when ideas inspired many thousands to test their powers in politic and to put their immediate material interest, even lives, at risk".*

Sementara itu Baradat P. (1991), berpendapat De Tracy telah mula menggunakan istilah ideologi ketika menjalankan kajiannya berkaitan dengan Zaman Pencerahan iaitu pada sekitar tahun 1801- 1812. Di sini dapat kita lihat istilah ideologi timbul semasa era revolusi Perancis berlangsung. Dari sudut pendefinisan ideologi, Encyclopedia Britannica (1972) menyatakan ideologi sebagai,

*"The science of ideas was a science with a mission; it aimed at serving men, even saving them by ridding their minds of prejudice and preparing them for the sovereignty of reason".*

Bagi Karl Marx (Skidmore et al., 1993) beliau melihat ideologi sebagai satu corak illusi yang terhasil daripada hubungan di antara ekonomi dan perjuangan kelas. Penulis-penulis dan pengkaji politik kontemporari pula mendefinisikan ideologi tidak jauh dari apa yang dilakukan oleh penulis pada zaman dahulu. Sergent (1996) mendefinisikan ideologi sebagai,

*"An ideology is a value system of belief accepted as fact or truth by some group. It is composed of sets of attitudes toward the various institutions processes of society. An ideology provides the believer with a picture of the world both as it is and as it should be, and, in doing so, organizes the tremendous complexity of the world into something fairly simple and understandable".*

Dapat dikatakan ideologi merupakan satu set kepercayaan, idea atau mungkin tingkah laku individu, kumpulan ataupun komuniti. Ideologi mempunyai ciri-ciri tertentu. Mohd Fo'ad (1998), membahagikan ciri-ciri ideologi kepada empat ciri. Pertama, rumusan yang dibuat terhadap sesuatu objek itu hendaklah mempunyai kadar ketetapan dan penjelasan yang tinggi. Ideologi yang dibentuk hendaklah mempunyai fakta yang menyokong bagi menentukan kebenaran sesuatu ideologi. Kedua, ideologi dihubungkan secara sistematik dengan beberapa nilai terkemuka seperti keselamatan, persamaan dan etnik. Ketiga, lebih bersifat "insistent" dalam aspek hubungan dengan pandangan kesedaran ideologi yang lain dalam masyarakat. Terakhir, ideologi lebih bersifat mendesak terhadap pembaharuan dalam menafikan segala kepentingan yang wujud.

Peranan utama ideologi ialah untuk mempertahankan keesahan sistem dan pemerintahan sedia ada, pembahagian kuasa di dalamnya dan tindakan-tindakan yang dibuat olehnya (Syed Ahmad, 1995). Misalnya keesahan pemerintahan di negara komunis dipertahankan oleh ideologi marxisme-leninisme. Begitu juga dengan pergolakan politik di Filipina ketika pemerintahan Marcos dan pencerobohan Soviet Union di Afghanistan. Selain itu juga ideologi juga berperanan menentang sistem yang ada sepetimana yang berlaku di Iran, negara-negara Amerika Latin, Afrika dan sebagainya.

## Parti Politik

Edmund Burke (Rodee, 1983) melihat parti politik sebagai sekumpulan manusia yang bersetuju di atas sesuatu prinsip yang membolehkan mereka berkhidmat kepada negara. Parti politik juga dapat diertikan sebagai satu kumpulan individu yang tersusun dan mempunyai hasrat untuk berkuasa. Melalui kuasa tersebut mereka akan memperolehi keuntungan dan kawalan sepenuhnya ke atas kuasa yang dimiliki.

Syed Ahmad (1995) ketika memetik definisi-definisi yang terdapat di dalam buku karya Peter B. Harris menggariskan beberapa pengertian mengenai parti politik. Antara pengertian parti politik ialah:

- Parti ialah satu badan orang-orang yang bersatu untuk bersama membina kepentingan negara melalui prinsip-prinsip tertentu yang mereka setuju bersama.
- Parti ialah satu kumpulan dengan penyokong-penyokongnya berpegang kepada prinsip-prinsip yang sama.

- c. Parti ialah satu kumpulan yang tersusun yang berusaha untuk menguasai kedudukan individu dan dasar sesuatu kerajaan.
- d. Parti ialah satu kumpulan kuasa yang statusnya telah dirasmikan, dan ia berfungsi sebagai sebahagian daripada rejim pemerintahan.
- e. Parti ialah organisasi tetap dan berterusan sebilangan orang yang berminat untuk menguasai kuasa atau terus menyimpannya.
- f. Parti adalah mana-mana kumpulan, walaupun tidak tersusun rapi, yang berusaha untuk memilih pemegang-pemegang jawatan kerajaan di bawah sesuatu label tertentu.

Dari segi asal-usul parti politik, kebanyakan parti politik bermula dengan penubuhan dewan-dewan perwakilan setelah keruntuhan institusi istana dan gereja seperti mana yang berlaku di England. Bermula dengan penubuhan dewan perwakilan, penubuhan parti-parti telah berkembang akibat ketidakmampuan dewan perwakilan menampung jumlah keahlian yang semakin bertambah. Maka wujudlah perkumpulan parti-parti politik yang semakin besar dan mampu menampung jumlah ahli yang lebih ramai.

Kewujudan parti adalah penting kerana ia mampu menjalankan fungsi-fungsi tertentu. Dalam membincangkan fungsi-fungsi parti politik, Syed Ahmad (1995) menggariskan lapan fungsi parti politik iaitu:

- a. Parti menyatukan, menyenangkan dan menstabilkan proses politik. parti membawa berbagai golongan manusia dengan latar belakang yang berbagai ke dalam satu struktur yang lebih padu dan bererti. Dalam lain perkataan, parti memainkan peranan sebagai '*a common denominator*'.
- b. Parti berusaha mendapatkan kuasa, dan justeru itu akan cuba mendapatkan sokongan seluas-luasnya. Dalam proses ini mereka mengumpulkan kepentingan-kepentingan dan cuba mengharmonikan kepentingan-kepentingan ini. Dalam proses ini juga mereka menggalakkan kompromi dan berusaha ke arah membentuk satu orde yang lebih sistematik daripada perbezaan-perbezaan kepentingan yang ada itu.
- c. Parti menghubungkan kerajaan dan rakyat. Ia akan mendidik dan menjelaskan tentang dasar-dasar dan tentang perjalanan sesuatu sistem politik itu. Ia juga berfungsi untuk mengerah tenaga rakyat dan mengeratkan identifikasi rakyat dengan dasar-dasar awam.
- d. Selain daripada membesarlu skop aktiviti dan penglibatan politik, parti juga berperanan mengambil dan melatih pemimpin-pemimpin politik, dan menyediakan barisan-barisan pelapis kepemimpinan politik di semua peringkat.
- e. Parti menimbulkan isu, dan memberi panduan matlamat, nilai, ideologi dan falsafah kepada masyarakat.
- f. Parti berperanan sebagai broker kepada idea-idea dengan memilih isu-isu yang ingin ditumpukan perhatian.
- g. Parti sebagai agen pembangunan, agen modenisasi, dan agen perubahan sosial.
- h. Parti politik juga berperanan sebagai jentera perkhidmatan kebajikan yang semuanya tidak termasuk sebagai tindakan-tindakan politik.

## Budaya Politik

Budaya politik mempunyai hubungan dengan sikap, kepercayaan dan perasaan mengenai politik semasa di dalam sesebuah negara. Budaya politik telah terbentuk dari sejarah sesebuah negara dan sentiasa melalui perubahan sosial, ekonomi dan politik. Pada umumnya budaya politik merupakan satu set orientasi dan tingkah laku individu secara keseluruhannya. Budaya politik mengkaji perhubungan tingkah laku politik dengan kumpulan budaya yang lebih besar dan mengkaji bagaimana amalan dan institusi politik berkembang. Pengalaman lepas amat penting dalam menentukan perilaku politik pada masa akan datang. Budaya politik akan mempengaruhi kepimpinan individu di dalam melaksanakan peranan politik yang mana bergantung kepada keperluan dan tindak balas undang-undang.

Konsep budaya politik menjadi asas kepada kajian terhadap politik sesebuah masyarakat dalam sesebuah negara. Konsep sosiologi politik merangkumi teori Patron-client, kepelbagaiannya tingkah laku yang dipinjamkan daripada konsep-konsep ilmu psikologi seperti pengundi sama ada positif dan negatif, sikap berpuak-puak dan mempunyai klik-klik dalam parti, politik wang, sikap suka memburukkan pemimpin yang tidak dapat memenuhi kehendak individu-individu, sikap suka merebut kuasa, sikap konservatif dan moden, pelampau keagamaan, keterbukaan sikap, perbezaan sikap pengundi bandar dan luar bandar, konflik politik, ketokohan dan pengaruh seseorang pemimpin dan sebagainya. Selain daripada itu, terdapat tingkah laku yang ada hubungan dengan sifat tabii manusia yang dikaitkan dengan budaya politik negatif seperti yang disebutkan oleh Michiavelli dalam bukunya *The Prince*.

Robert Dahl (1966), telah memilih budaya politik sebagai faktor yang menjelaskan pola-pola tentang politik berbeza-beza, elemen-elemen yang utama bagi Dahl di dalam mendefinisikan budaya politik adalah:

1. Orentasi untuk menyelesaikan masalah (pragmatik dan rasional).
2. Orentasi tindak balas (berkerjasama atau tidak).
3. Orentasi sistem politik (taat dan memencarkan diri).
4. Orentasi orang lain (beramanah atau tidak).

Sementara itu Almond dan Verba mendefinisikan budaya politik sesuatu masyarakat sebagai "secara khususnya adalah berkenaan dengan sistem politik yang diserapkan terhadap kesedaran, pengetahuan, perasaan dan nilai masyarakat tersebut. Masyarakat tersebut terdiri dari mereka yang disosialisasikan terhadap peranan bukan politik dan sistem sosial". Almond dan Verba turut membahagikan orientasi kepada dua iaitu orientasi individu dan politik.


## Teori Sistem

Model sistem politik ini dipelopori oleh Easton D. (1965) antara lain bertujuan menjelaskan hubungan di antara tuntutan masyarakat dan kuasa membuat keputusan oleh pemerintah. Secara asasnya model ini membincangkan empat komponen iaitu input, transformasi (sistem politik), out put, alam sekeliling dan maklumbalas.

- a. **Input.** Input bermaksud sebarang perkara yang akan memasuki sistem politik. Input boleh didapati dalam banyak bentuk seperti input fizikal dan bukan fizikal. Input-input fizikal terdiri dari buruh, modal, kewangan, jentera dan sebagainya. Manakala input bukan fizikal ialah buah fikiran, tuntutan, rayuan,

idea, pendapat, rungutan dan lain-lain. Dalam konteks sistem politik, input boleh datang dalam bentuk sokongan kepada sistem politik. Misalnya pematuhan kepada undang-undang, pembayaran cukai, undi, ketaatan dan lain-lain. Sokongan ini akan memperkuatkan sistem politik. Kedua, input juga terdapat dalam bentuk tuntutan. Tuntutan ini dibuat oleh masyarakat kepada sistem politik bagi memenuhi kepentingan mereka. Misalnya tuntutan untuk mendapatkan bantuan pendidikan, pertanian, perumahan dan lain-lain. Tuntutan ini boleh dilakukan secara individu dan berkumpulan. Pada kebiasaannya tuntutan berkumpulan yang lebih terurus akan dapat meluahkan perasaan dan menuntut kepentingan dengan lebih berkesan.

- b. **Transformasi.** Tanpa transformasi input tetap tidak akan berubah. Transformasi akan mengubah input untuk menghasilkan sesuatu keputusan. Dalam konteks sistem politik, proses transformasi akan melibatkan pengelasan, perancangan, koordinasi dan kawalan. Semua input yang masuk akan dinilai, ditapis dan sebagainya dengan tujuan ia dapat memberi manfaat kepada sistem keseluruhannya. Faktor-faktor seperti kecekapan, keberkesanan, amanah dan sebagainya yang perlu ada pada sesuatu sistem politik itu akan memainkan peranan kerana dari proses inilah akan lahirnya keputusan.
- c. **Output.** Output boleh didapati dalam berbagai bentuk seperti produk, perkhidmatan, keuntungan, kepuasan, dan sebagainya. Output tidak hanya terhad kepada perkara-perkara positif sahaja, ia turut merangkumi perkara-perkara negatif. Dari sudut sistem politik, output merupakan hasil dari tuntutan yang dibuat oleh ahli masyarakat kepada sistem politik. Tuntutan ini boleh berupa positif atau sebaliknya bergantung bagaimana ia diproses. Keputusan-keputusan politik seperti keputusan jemaah menteri, perundangan, kehakiman, pilihanraya, dan sebagainya merupakan bentuk output yang sering diterima oleh rakyat.
- d. **Alam sekeliling.** Alam sekeliling ini boleh terbahagi kepada dua. Pertama alam sekeliling dalaman dan kedua, alam sekeliling luaran. Alam sekeliling dalaman merujuk kepada persekitaran dalaman sesebuah sistem politik. Misalnya persekitaran politik dalaman sesebuah negara. Ia terbina dengan kompenan-kompenan tersendiri seperti kebudayaan, status, struktur masyarakat dan sebagainya. Manakala alam sekeliling luaran merujuk kepada alam sekeliling yang datang dari luar (arena politik antarabangsa).
- e. **Maklumbalas.** Maklumbalas merupakan tindak balas yang timbul hasil dari output (keputusan-keputusan). Keputusan-keputusan yang telah dibuat akan ditafsir oleh masyarakat. Masyarakat akan menerima keputusan tersebut dan menyesuaikan dengan persekitaran semasa. Keputusan yang tidak sesuai dengan persekitaran akan mengugat sistem kerana masyarakat tidak akan menyokong sistem jika apa yang mereka inginkan tidak tercapai. Justeru itu maklumbalas yang diterima akan berbentuk negatif. Dari segi politik, tindakbalas rakyat dapat dilihat dalam beberapa bentuk iaitu protes, gerakan revolusi, mengundi parti lawan dan sebagainya.



## METODOLOGI KAJIAN

### Pengenalan

Bahagian ini akan menghuraikan kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Ini terutamanya yang bersangkutan dengan metodologi yang diaplikasikan. Antaranya termasuklah rekabentuk kajian, Subjek kajian dan Instrumen kajian

### Rekabentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kajian lapangan. Pecahan jumlah sample adalah berdasarkan jadual pemilihan responden Nan Li (1976). Subjek yang dipilih terdiri daripada masyarakat di kawasan kajian telah dikenalpasti. Subjek adalah di pilih secara rawak berstruktur terutamanya yang berkaitan dengan jantina dan bangsa. Satu set soalselidik yang mengandungi item-item penyertaan politik telah digunakan bagi mendapatkan data. Disamping menggunakan soalselidik, kajian ini juga menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian terus semasa pilihanraya ke sepuluh di langsungkan.

### Kawasan kajian

Kawasan untuk kajian ini adalah meliputi 3 daerah di negeri Johor seperti berikut:

**Jadual 3: Kawasan kajian**

Negeri	Kawasan Parlimen
Johor	Pagoh Batu Pahat Johor Bahru

## Penyertaan Politik di Johor

Kajian ini telah dijalankan di tiga kawasan Parlimen di Negeri Johor iaitu kawasan Pagoh, Batu Pahat dan Johor Bahru yang melibatkan 600 orang responden. Pemilihan kawasan ini adalah berdasarkan kepada kemelut pertandingan yang dijangka akan berlaku antara parti-parti Barisan Nasional, PAS,DAP dan PRM. Daripada 600 soalselidik yang telah diedarkan hanya 422 sahaja yang telah diambil kira untuk dianalisis. Secara keseluruhannya latarbelakang responden yang terlibat adalah seperti berikut:

**Jadual 5: Latarbelakang Respondan Kajian**

Item	Bilangan	Peratus
<b>Pekerjaan</b>		
Kerajaan	166	39.3
Swasta	89	21.1
Kerja Sendiri	134	31.8
Pelajar	33	7.8
<b>Umur</b>		
30	67	15.9
31- 40	133	31.5
41- 50	141	33.4
51- 60	61	14.5
60 ke atas	20	4.7
<b>Jantina</b>		
Lelaki	284	67.3
Perempuan	134	31.8
<b>Etnik</b>		
Melayu	335	79.4
Cina	50	11.8
India	27	6.4
Lain-lain	1	2
<b>Kediaman</b>		
Kampung	136	32.2
Pekan Kecil	76	18
Pekan Besar	61	14.5
Bandar	148	35.1
<b>Pendidikan</b>		
Inggeris	55	13
Melayu	327	77.5
Cina	19	4.5
India	8	1.9
Madrasah	7	1.7
Tidak Bersekolah	2	5
<b>Tahap Pendidikan</b>		
Tidak Bersekolah	4	9
SPM dan ke bawah	229	54.3
STPM/Sijil	73	17.3
Diploma	46	10.9
Universiti	63	14.9

Pendapatan			
500	206		48.8
501	118		28
1001	14		3.3
1501	8		1.9
2001	5		1.2

### Penyertaan Politik

Penyertaan politik secara umumnya melibatkan elemen seperti menjawat jawatan dalam politik, berkempen, memberi derma kepada parti, mendengar ceramah, menampal poster dan juga sehingga ke tahap bertanding dalam pilihanraya sebagai calon. Dari jadual 6 , menunjukkan dari jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini, seramai 208 orang atau 49.3% responden tidak pernah memegang sebarang jawatan di dalam parti politik. Hanya 29 orang responden atau 6.9% yang pernah memegang jawatan dalam parti politik. Sementara itu, seorang responden atau 2% yang tidak memberi reaksi terhadap maklumat ini. Di dapati seramai 221 orang responden atau 52.4% tidak pernah bertanding sebagai calon di dalam pilihanraya. Hanya 2 orang responden sahaja yang pernah bertanding sebagai calon. Baki seorang responden tidak memberi reaksi terhadap maklumat ini.

**Jadual 6:** Tahap Penyertaan Politik Responden

Item	Bilangan	Peratus
Memegang Jawatan dalam Parti	29	6.9
Pernah Bertanding	2	5
Berkempen untuk Parti	65	15.4
Memungut Memberi Derma	52	12.3
Hadir Berkempen	130	30.8
Mendengar Ceramah	272	64.5
Mendaftar Ahli Politik	120	28.4
Mendaftar Pertubuhan Sosial	52	12.3
Mendaftar Sebagai Pengundi	303	71.8
Menampal Poster	56	13.3
Mengedarkan Risalah	43	10.2
Perjumpaan Peringkat Cawangan	46	10.9
Perjumpaan Peringkat Bahagian	50	11.8
Perjumpaan Peringkat Negeri	45	10.7
Tunjuk Perasaan	15	3.6
Memasang Bendera	56	13.3

### Berkempen dan Memungut Derma

Berasaskan kepada dapatakan kajian, dari aspek penyertaan politik di dapati seramai 173 orang atau 41% responden tidak pernah berkempen untuk parti politik. Begitu juga dengan 149 orang atau 35.3% tidak pernah terlibat dalam mengutip atau

memberi derma untuk parti. Hanya 65 (15.4%) atau 52 (12.3%) sahaja yang pernah terlibat dalam berkempen dan memungut derma untuk parti masing-masing.

### **Hadir Kempem dan Mendengar Ceramah**

Jadual di atas turut menunjukkan penglibatan responden secara tidak langsung di dalam parti politik seperti menghadiri kempem dan mendengar ceramah yang dianjurkan oleh parti politik. Responden yang pernah terlibat atau menghadiri kempem dan mendengar ceramah parti politik masing-masing adalah seramai 130 orang atau 30.8% dan 272 orang atau 64.5%. Terdapat sebanyak 113 orang atau 26.8% dan 83 orang atau 19.7% responden yang tidak pernah menghadiri kempem dan mendengar ceramah politik.

### **Ahli Politik dan Pertubuhan Sosial**

Responden yang tidak pernah terlibat mendaftar sebagai ahli politik dan pertubuhan sosial masing-masing 165 orang atau 39.1% dan 153 orang atau 36.3%. Manakala responden yang pernah mendaftar sebagai ahli mana-mana pertubuhan politik dan pertubuhan sosial adalah seramai 120 orang atau 28.4% dan 52 orang atau 12.3%.

### **Mendaftar sebagai Pengundi/ Menampal Poster/ Mengedar Risalah**

Peratusan responden yang mendaftar sebagai pengundi agak tinggi iaitu 71.8% atau 303 orang, manakala responden yang terlibat dalam kerja-kerja menampal poster untuk parti adalah seramai 56 orang sahaja dan peratusannya ialah 13.3%. Hanya 43 orang atau 10.2% responden sahaja yang terlibat dalam kerja-kerja menampal poster manakala 147 orang atau 34.8% responden tidak pernah terlibat dalam kerja-kerja menampal poster. Manakala 150 orang atau 35.5% tidak pernah terlibat dalam mengedar risalah parti politik. Hanya peratusan kecil sahaja yang terlibat iaitu 34 orang atau 10.2%.

### **Berjuma Pemimpin Cawangan, Bahagian dan Negeri**

Berdasarkan jadual di atas boleh dikatakan kebanyakan responden yang terlibat dalam kajian ini tidak pernah menghadiri perjumpaan di peringkat cawangan, bahagian mahupun negeri masing-masing iaitu 142 orang atau 33.6%, 148 orang atau 35.1% dan 145 orang atau 34.4%. Bilangan responden yang berjuma dengan pemimpin politik di ketiga-tiga bahagian ini hanya kecil sahaja bilangannya iaitu masing-masing 46 orang atau 10.9% (cawangan), 50 orang atau 11.8% (bahagian) dan 45 orang atau 10.7% (negeri).

### **Tunjuk Perasaan**

Terdapat sebilangan besar responden yang tidak pernah terlibat dalam mengadakan protes ( tunjuk perasaan ) terhadap sesuatu isu politik. Responden yang tidak pernah terlibat ialah 185 orang atau 43.8%. Manakala hanya sebilangan kecil sahaja responden yang terlibat dalam protes terhadap parti politik iaitu sebanyak 15 orang atau 3.6%.

## Memasang Bendera

Bilangan responden yang pernah terlibat dengan kerja-kerja memasang bendera politik tidak begitu ramai iaitu hanya 56 orang atau 13.3% berbanding dengan responden yang tidak pernah terlibat dengan kerja-kerja memasang bendera politik iaitu seramai 157 orang atau 37.2%.

## Kekerapan Mengundi

**Jadual 7:** Berapa Kali Mengundi

Item	Bilangan	Perkara
Sekali	62	14.7
Dua kali	98	23.2
Tiga	56	13.3
Empat	49	11.6
Lima	22	5.2
Enam	8	1.9
Tujuh	2	0.5
Lapan	1	0.2

Jadual di atas menunjukkan kekerapan responden mengundi di dalam pilihanraya. Seramai 98 orang mewakili 23.2% responden mengundi 2 kali. Diikuti oleh 62 orang atau 14.7% dan 56 orang atau 13.3% mengundi sekali dan tiga kali. Manakala seramai 49 orang atau 11.6% mengundi 4 kali. Selain daripada itu yang mengundi lebih daripada bilangan ini hanya mewakili peratusan yang kecil sahaja daripada responden yang terlibat.

**Jadual 8:** Lama Menjadi Ahli Parti

Item	Bilangan	Peratusan
Setahun	140	33.2
Dua tahun	44	10.4
Lebih tiga tahun	8	1.9

Tempoh responden menjadi ahli parti politik boleh dibahagikan kepada 4 kategori. Dalam kategori 1, seramai 140 orang atau 33.2% responden dan kategori 2 seramai 44 orang atau 10.4%. Manakala kategori 3 adalah seramai 8 orang atau 1.9%.


## Perbincangan Penyertaan Politik di Johor

### Tahap Penyertaan


Tahap penyertaan dapat dilihat dari sudut sejauh manakah kecenderungan masyarakat di negeri Johor untuk terlibat secara langsung dalam politik. Secara keseluruhan mereka hanya cenderung untuk mendaftar sebagai pengundi. Selain itu tiga bentuk penyertaan politik yang paling ketara ialah menghadiri kempen-kempen pilihanraya, berkempen untuk parti seperti mengedarkan risalah-risalah, menampal poster dan memberi ceramah-ceramah. Terdapat hanya sebahagian kecil sahaja yang mendaftar sebagai ahli politik. Ini menunjukkan bahawa walaupun mereka bukannya ahli politik tetapi mereka memberi komitmen yang padu dalam bidang politik.

Walau bagaimanapun, mereka tidak begitu cenderung untuk terlibat lebih serius untuk memegang jawatan dalam politik ataupun bertanding sebagai calon. Selain dari beban tanggungjawab yang cukup mencabar, peruntukan masa dan jumlah kewangan yang besar menjadi halangan utama kepada faktor kurangnya penglibatan masyarakat. Untuk lebih jelas lihat rajah 1.

**Rajah 3: Penyertaan politik di Johor**




Dari segi kesedaran politik, kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat di Johor mempunyai kesedaran politik yang agak tinggi. Kebanyakan dari mereka mempunyai pengetahuan terhadap jumlah ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, Perdana Menteri dan Menteri Besar. Walau bagaimanapun sebaliknya di dapati bahawa jumlah sebenar responden yang mengetahui jumlah kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri adalah kurang daripada 10%. Sila rujuk rajah .

**Rajah 4: Kesedaran Politik**

Sebahagian besar daripada responden menyatakan bahawa BN mampu menerajui kepimpinan negeri dan negara. Hal ini dapat memberikan impak yang baik untuk kerajaan BN untuk terus menjadi peneraju Malaysia di masa akan datang. Perbezaan yang ketara ini mungkin disebabkan faktor Malaysia yang sudah kian lama diterajui oleh BN dan menampakkan kecemerlangannya, terutama di dalam sektor pembangunan.

Jika dilihat tidak sampai 20% dari responden yang berpendapat BA mahupun PAS atau DAP akan memerintah negeri dan negara. Rujuk rajah 5.


**Rajah 5: Persepsi Mengenai Parti**

Majoriti responden berpendapat parti yang menjadi faktor utama yang mendorong penglibatan politik seseorang. Di antara faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan mereka ialah kepimpinan parti tersebut, dasar perjuangan, kestabilan dan


kejayaan untuk memerintah. Bangsa dan agama juga mendapat tempat yang tinggi dan ini menunjukkan bahawa masyarakat Johor memandang tinggi kedua-dua faktor ini dan kedua-duanya penting dalam kehidupan mereka. Korlasi antara kepercayaan kepada parti dan kepentingan agama menunjukkan bahawa majoriti yang responden percaya bahawa parti dominan di Johor iaitu BN masih lagi boleh membela nasib agama dan bangsa.

Walaupun faktor calon bilangannya kecil iaitu hanya 7% tetapi ia masih lagi penting dalam menarik undi responden. Namun faktor parti dan agama mengungguli faktor calon. Ini mungkin samada responden meletakkan parti sebagai pihak yang lebih mengetahui kepentingan politik negara sehingga faktor calon bukanlah faktor penentu ataupun konsep feudalisme yang menebal dikalangan para responden yang taat dan patuh kepada kehendak parti. Untuk lebih jelas lagi lihat rajah 6.

**Rajah 6: Faktor yang Mendorong Penglibatan Politik**




Didapati penglibatan masyarakat dalam politik di Johor adalah berasaskan kepada pelbagai sebab. Antaranya ialah bagi terus berhubung dengan kerajaan atau pihak pemerintah untuk memastikan kepentingan mereka terus terjaga. Padangan ini sangat bersesuaian dengan penemuan kajian ini yang mendapati bahawa sebahagian besar dari responden menyatakan tujuan pengundian mereka ialah memilih kerajaan yang mereka rasakan paling baik dan berkesan. Lihat rajah 7.

**Rajah 7: Tujuan Pengundian**

### **Isu-isu yang Mempengaruhi Pengundian**

Isu yang paling mempengaruhi para pengundi di Johor ialah isu pemerintahan dan dasar-dasar kerajaan. Isu dasar adalah berkait dengan dasar perjuangan parti. Rajah 8 menunjukkan bahawa beberapa elemen penting yang telah menjadi penentu kepada sokongan masyarakat terhadap sesebuah parti yang kemudiannya mempengaruhi pengundian.

**Rajah 8: Pemilihan parti**

Perjuangan parti BA yang berlandaskan propaganda memperjuangkan keadilan dari segi teoritikalnya telah berjaya menarik sedikit sokongan masyarakat. Namun tampilnya orang-orang kuat Keadilan masih lagi tidak dapat merebut mandat majoriti di Johor walaupun menggunakan isu pemecatan mantan TPM dan isu-isu korupsi yang sedia ada. BN yang tunjangi parti UMNO tidak mempunyai banyak halangan mengalahkan parti pembangkang yang telah pun agak lama di situ dengan menang sapa bersih di seluruh kawasan DUN dan Parliment..

Pakatan BN lebih banyak memberikan penekanan kepada kestabilan politik dan keamanan negara diikuti oleh faktor keupayaan memerintah adalah penyebab utama mereka terus dipilih pada pilihanraya umum kali ini. '*Track record*' cemerlang parti kerajaan Ini diperkuatkan lagi dengan dasar pembangunan negara yang mantap dan ketokohan pemimpin yang ada menjadikan BN mantap di Johor.

### **Pengaruh terhadap Pengundian**


Media massa merupakan sumber yang paling berkesan dan berpengaruh dalam pengundian. Ini kerana ia merupakan mekanisma yang sangat memainkan peranan yang besar dalam menyebarkan maklumat semasa pilihanraya (Syed Arabi Idid, 1991). Calon banyak membelanjakan wang untuk mendapatkan perkhidmatan para pembentuk peribadi, seniman, pakar komunikasi yang menghasilkan kerja-kerja yang menakjubkan untuk mempengaruhi pengundi melalui media massa. (Shaharom T.M. Sulaiman, 1999).

Kerajaan BN secara asasnya mempunyai kelebihan yang maksima apabila dikatakan dapat mempengaruhi kesemua media arus perdana samada media cetak mahupun media elektronik. Dalam aspek ini, BA agak ketinggalan kerana mereka lebih berharap kepada media cetak keluaran parti-parti pembangkang seperti Harakah (PAS), Roket (DAP), Aliran (PRM) serta beberapa akhbar periodikal picisan yang tidak signifikan. Kekuatan pembangkang secara asasnya terletak kepada ceramah-ceramah umum dan perayu undi.

Kajian menunjukan bahawa media yang paling berjaya mempengaruhi pengundi ialah televisyen, diikuti oleh akhbar, radio dan internet. Media cetak yang paling mendapat kepercayaan di kalangan pengundi di Johor ialah Utusan Malaysia dan Berita Harian. Namun demikian jika diperhatikan dari sudut peratusan responden yang tidak mempercayai maklumat yang disampaikan oleh akhbar adalah agak kecil tidak melebihi jumlah yang mempercayai akhbar-akhbar yang tersenarai, namun ia jelas menunjukkan senario krisis kepercayaan masyarakat terhadap akhbar yang sedang berlaku di negara kita sepanjang tempoh pilihanraya umum 1999. Perkara ini turut diberi perhatian oleh media CBS yang menyatakan bahawa persepsi masyarakat terhadap media tempatan, arus perdana bersikap terlalu berat sebelah dan kredibiliti mereka mula pudar dengan cepat (Media CBS,1999). Perkara ini dapat diteliti dengan lebih jelas melalui rajah 9. Di samping itu, agen-agen lain yang turut sama menyumbangkan peranan dalam mempengaruhi pengundi ialah pihak parti, kepimpinan kampung, saudara mara dan rakan-rakan.


Surat layang walaupun menarik untuk dibaca tetapi tidak dapat mempengaruhi para responden. Ini adalah kerana masyarakat telahpun sedar peri pentingnya untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan bertanggungjawab dan bukannya terpengaruh dengan surat-surat layang yang dayus dan tidak signifikan.

**Rajah 9 : Kepercayaan Terhadap Media Cetak dan Surat Layang**



Faktor calon juga merupakan elemen yang penting dalam mempengaruhi pengundian. Rajah 10 menunjukkan bahawa tarikan utama calon di kalangan para pengundi ialah ketokohan dan pengalaman.

**Rajah 10 : Faktor Pengundian Calon**



Dalam membincangkan tentang pemilihan pengundi terhadap calon ia berkait rapat dengan karisma yang terdapat pada seseorang calon atau pemimpin tersebut. Karisma yang dicirikan oleh Weber antara lain berhubung dengan persepsi pengikut terhadap pemimpin mereka. Pada pandangan mereka pemimpin tersebut mempunyai kebolehan, kuasa dan kualiti yang luar biasa (Kavanagh, 1990). Faktor ketokohan ini


bagaimanapun diampu kuat oleh faktor pengalaman dan kekuatan pegangan pada agama kerana ketiga-tiga elemen ini pasti akan menghasilkan pemimpin dan adil dan saksama.

Selain dari faktor calon, kempen juga memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi pengundi. Sepanjang musim pilihanraya, parti-parti yang bertanding masing-masing memperuntukan sejumlah wang yang besar bagi menjana kempenkempen, di mana kempen-kempen ini menjadi suatu kemestian dalam mana-mana pilihanraya. Kempen penting bagi parti-parti politik untuk menyampaikan mesej. Di pihak pengundi pula, kempen sangat penting untuk mereka membuat pertimbangan dalam memilih calon-calon dan parti (Trent dan Friedenberg, 1998).

Kajian ini mendapati bahawa kempen yang berjaya menarik para pengundi ialah melalui ceramah di samping media dan poster. Rajah 11 menunjukkan perbezaan yang ketara antara jenis-jenis kempen dalam mempengaruhi masyarakat. Dari perhatian yang dibuat sepanjang tempoh sepuluh hari sebelum hari sebelum dan sesudah membuang undi, ternyata sekali kempen-kempen giat dijalankan oleh parti-parti politik yang bertanding. Namun demikian secara perbandingan, DAP, PAS dan KeADILan lebih berjaya menarik minat masyarakat setempat. Ini jelas dapat dilihat melalui jumlah-jumlah yang hadir dalam ceramah-ceramah yang diadakan. Antara beberapa perkara yang boleh dijustifikasi terhadap senario tersebut ialah BA dan PAS mempunyai banyak isu yang menarik untuk dihebahkan kepada masyarakat berbanding dengan UMNO. Disamping itu, pemimpin BA dikatakan lebih berapi-api serta bersemangat ketika menyampaikan ceramah ditambah pula dengan kata-kata pedas yang dilemparkan kepada pihak kerajaan.

Justeru itu, kajian ini mendapati bahawa aspek sosialisasi kurang berkesan dalam mempengaruhi pengundi. Ini jelas apabila faktor ini tidak begitu kuat dalam menentukan pemilihan pengundi terhadap calon-calon mereka.

**Rajah 11 : Tarikan Kempen**




### Strategi dan Teknik yang Digunakan

Setiap kali diadakan pilihanraya umum di negara kita sememang banyak isu yang menjadi pokok perdebatan bagi parti-parti yang bertanding. Isu-isu biasanya dikategorikan sebagai isu tempatan, negeri dan nasional. Seperti biasa isu yang senantiasa diutarakan ialah perkara-perkara yang berkait rapat dengan infrastruktur,

pendidikan, ekonomi, politik, agama dan keselamatan. Isu-isu ini merupakan perkara yang sangat penting yang telah turut mempengaruhi para pengundi. Rajah 12 di bawah menunjukkan sejauh manakah isu-isu (dengan mengambil beberapa isu yang signifikan) dalam mempengaruhi pengundian.


**Rajah 12 : Isu-isu Semasa Pilihanraya**



Selain daripada isu infrastruktur, pembangunan dan agama, isu pemecatan Mantan Timbalan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim turut mempengaruhi para pengundi. Ia telah dieksloitasi secara maksimum oleh parti-parti lawan dalam memperlihatkan kelemahan pemerintah. Dalam kebanyakan ceramah-ceramah yang diadakan oleh PAS dan KeADILan, yang mendapat sambutan yang sangat baik dari masyarakat ialah kes Datuk Seri Anwar Ibrahim yang telah di tonjolkan sebagai menarik sokongan dan simpati dari masyarakat. Khususnya dengan poster 'mata lebam' mantan tersebut yang berjaya menebulkan rasa kasihan kepada perjuangan parti pembangkang.

Rajah 13 menunjukkan persetujuan para responden mengenai sejauh manakah isu ini mempengaruhi pengundian di kalangan para pengundi. Secara asasnya jumlah mereka yang setuju dan tidak setuju agak hampir sama. Tetapi persoalan sejauhmanakah isu ini dan rasa simpati ini berupaya merebut undi ketika hari pengundian. Rata-rata responden melihat kedua-dua perkara ini sebagai isu yang berlainan. Malahan ada responden yang melihat ia sebagai asam garam alam politik.

**Rajah 13 : Persetujuan Mengenai Pengaruh Isu Mantan TPM**



## KESIMPULAN

Secara rumusannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa walaupun terdapat berbagai isu yang telah dimanipulasi oleh pihak pembangkang sepanjang tempoh berkempen sehingga ke hari pembuangan undi, rasa taat setia dan kepercayaan penuh pihak pengundi atau responden kajian kepada kerajaan yang memerintah masih tidak berganjak. Rekod cemerlang pemerintahan Barisan Nasional semenjak merdeka disaingi dengan rekod cemerlang kemenangan parti pemerintah yang menyapu bersih kesemua kerusi DUN dan Parlimen pada pilihanraya umum yang lalu adalah sebagai buktinya.

Walaupun responden berasa simpati dan marah pada pihak pemerintah dalam beberapa isu seperti isu pemecatan Dato Seri Anwar Ibrahim, isu kronisme dan sebagainya, rasa kekecewaan ini tidak dimanifestasikan di peti undi. Pengundi mungkin melihat ia sebagai isu-isu yang berbeza dan patut ditangani melalui saluran yang lain dan bukannya dengan cara mengalahkan calon kerajaan. Partisipasi masyarakat secara umum sahaja seperti mendengar ceramah dan bukannya menjadi calon atau terlibat sama dalam jentera pilihanraya pula menunjukkan bahawa tahap penyertaan masih lagi sederhana tetapi masih signifikan kepada kemenangan parti pemerintah.

## BIBLIOGRAFI

- Almond, G.A & Verba, S. 1965. *The Civic Culture: Political Attitude and Democracy in Five Nations*. Boston: Little Brown.
- Asirvatham, E. 1990. *Political Theory*. New Delhi: S.Chand & Company.
- Baradat, P. 1991. *Political Ideologies*. New Jersey: Prentice Hall
- Budiarjo, M. 1986. *Dasar-dasar Ilmu Politik*. Jakarta: PT Gramedia.
- Butler, D.E. and Rose, R. 1960. *The British General Election of 1959*. London: Frank Cass.
- Catt, H. What Do Voter Decides? *Political Science*, Vol. 43 Number 2 December 1991.
- Dahl, R.A. 1975. *Modern Political Analysis*. New Delhi: Prentice Hall.
- Dowding, Keith M. 1991. *Rational Choice and Political Power*. Brookfeild: Edward Elgar Publishing Company.
- Downs, Anthony. 1957. *An Economic Theory of Democracy*, New York: Harper and Row.
- Easton, D. 1965. *A Framework of Political Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Encylopedia Britannica, 1972
- Franklin, Mark N. 1985. *The Decline of Class Voting in Britain: Changes in the Basis of Electoral Choice*. 1964-1983. Oxford: Clarendon Press.
- Goldthorpe, J.H. and Lockwood, D. 1968. *The Affluent Worker: Industrial Attitudes and Behaviour*. Cambridge Universitu Press.
- Harrigon, John J. 1987. *Politics and the American Future*. 2<sup>nd</sup> ed. New York: Randon House
- McKay, David H. 1993. *American Politics and Society*. 3<sup>rd</sup> ed. Cambridge USA: Blackwell Publisher.
- McKenzie, R.T. and Silver, A the Working Class Tory in England in Worsley. 1972. Angels in Marble (Heinemann, London 1968).
- Nordlinger, E.A. "The working -Class Tory" 'New Society' Vol. 8 No. 211 13 Oct. 1966 Working Class Tories (MacGibbon & Kee, London, 1967).
- Ramanathan, K. 1994. Asas Sains Politik. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

- Riley, Mike. 1998. *Power, Politics and Voting Behaviour: An introduction to the Sociology of Politics*. New York: Harvester Wheatsheaf.
- Rodee, et. al., 1983. *Introduction to Political Science*. Fourth edition,. Singapore: McGraw Hill.
- Staber, Udo. 1987. "Corporatism and the Governance Structure of American Trade Associations" dlm. *Political Studies*, Vol. 1-4.
- Syed Ahmad, h. 1995. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pendidikan Jarak Jauh, USM.
- Syed Arabi, I. & Safar Hasim. 1993. *Pilihanraya Umum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zuckerman, Alan S. 1991. *Doing Political Science: An Introduction to Political Analysis*. Boulder: Westview Press.